**“PB Listens & Rewards”**

# Terms and Conditions

## Campaign Period

1. This Campaign will run from 18 September 2018 until 17 December 2018, both dates inclusive (“**Campaign Period**”).

## Eligibility

2. The Campaign is open to members of the general public aged 18 and above. **(“Participant”)**.

3. The following persons are **excluded** from participating in the Campaign:-

   a) Employees of Public Bank Berhad**;** and
   b) Employees of Public Islamic Bank Berhad**.**

## Campaign Mechanics

4. To participate in the “PB Listens & Rewards” (“**Campaign**”), a Participant is required to complete a survey that can be accessed at the following website URL:

   www.pbebank.com/listens (“**Campaign URL**”)

5. The Campaign URL can be accessed by:
   a) directly keying in the Campaign URL on any compatible web browser;
   b) clicking on a link on Public Bank’s internet banking site, www.pbebank.com;
   c) clicking on a link on any official campaign promotional communication received, such as emails or SMS; or
   d) scanning the Quick Response (QR) code containing the Campaign URL displayed on any official campaign promotional communication/materials, such as emails or buntings.

6. Upon accessing the Campaign URL, a Participant is to perform a captcha verification and agree to the campaign Terms & Conditions before proceeding to participate in the survey.

7. The survey consists of two main parts:

   a) questions about the Participant’s banking experiences and preferences; and
   b) questions about the Participant’s personal details.

8. Each Participant’s number of questions is not fixed and may vary based on the Participant’s responses in part 7(a) above.

9. A Participant must complete part 7(b) above in order for the survey to be in the running to win one of the prizes offered under the Campaign. Information required under part 7(b) consists of the Participant's:

   a) full name as per Malaysian MyKad (Malaysian citizens) or valid Passport (non-Malaysian citizens);
   b) date of birth;
   c) postcode of residence;
   d) country of citizenship; and
   e) mobile phone number.

10. The Participant will be notified of the completion of the survey at the end of the survey and may leave the survey site. The completed survey ("**Eligible Entry**") will be in the running to win one of the prizes offered under the Campaign as per the Winner Selection Criteria set out below.

11. Surveys not containing any one or all of personal details required under part 7(b) above, for any reasons including any technical errors or accidental omissions, shall not be considered as an Eligible Entry.

12. Each Participant may only answer the survey once throughout the Campaign Period. Only the first completed survey will be considered as an Eligible Entry and any subsequent completion of the survey shall be disqualified from the Campaign.

**<u>Winner Selection Criteria</u>**

13. Three hundred and three (303) prizes will be given for each month during the Campaign Period, consisting of three (3) holiday packages and three hundred (300) cash prizes. In total, nine (9) holiday packages and nine hundred (900) cash prizes will be given over the entire Campaign Period. The details are as follows:

| Participating Months | Qualifying Period | Prizes |
|---|---|---|
| Month 1 | 18 September 2018 – 17 October 2018 | • One (1) holiday package consisting of 3 days 2 nights stay for 2 persons, with flight tickets or RM500 per person for incidentals, at each of the following destinations:<br>o The Danna Langkawi, Langkawi, Kedah<br>o Legoland Hotel & Theme Park, Iskandar Puteri, Johor<br>o Cove 55, Kuching, Sarawak<br>• One hundred (100) x RM50 cash prize<br>• One hundred (100) x RM100 cash prize<br>• One hundred (100) x RM200 cash prize |

| Participating Months | Qualifying Period | Prizes |
|---|---|---|
| Month 2 | 18 October 2018 – 17 November 2018 | • One (1) holiday package consisting of 3 days 2 nights stay for 2 persons, with flight tickets or RM500 per person for incidentals, at each of the following destinations:<br>  ○ Shangri-La's Tanjung Aru Resort & Spa, Kota Kinabalu, Sabah<br>  ○ The Chateau Spa & Organic Wellness Resort, Bukit Tinggi, Pahang<br>  ○ Shangri-La's Rasa Sayang Resort & Spa, Batu Feringgi, Penang<br>• One hundred (100) x RM50 cash prize<br>• One hundred (100) x RM100 cash prize<br>• One hundred (100) x RM200 cash prize |
| Month 3 | 18 November 2018 – 17 December 2018 | • One (1) holiday package consisting of 3 days 2 nights stay for 2 persons, with flight tickets or RM500 per person for incidentals, at each of the following destinations:<br>  ○ Tanjong Jara Resort, Kuala Dungun, Terengganu<br>  ○ Pangkor Laut Resort, Pulau Pangkor, Perak<br>  ○ The Banjaran Hotsprings Retreat, Ipoh, Perak<br>• One hundred (100) x RM50 cash prize<br>• One hundred (100) x RM100 cash prize<br>• One hundred (100) x RM200 cash prize |

14. Prize winners will be announced on a monthly basis on the Bank's website at www.pbebank.com and such other mode of communication as the Bank deems fit based on the following schedule:

| Participating Months | Qualifying Period | Prize Announcement Date |
|---|---|---|
| Month 1 | 18 September 2018 – 17 October 2018 | • 05 November 2018 |
| Month 2 | 18 October 2018 – 17 November 2018 | • 03 December 2018 |
| Month 3 | 18 November 2018 – 17 December 2018 | • 07 January 2019 |

15. Winners will be contacted by an authorised staff of the Bank to arrange for either collection of the holiday packages or payment of the cash prizes**:**

   a) The winners will be contacted on the mobile number that was keyed into the survey as per item 9(e) above within 1 week from the respective day of the announcement of winners.
   b) A simple verification process will be conducted to ascertain the identity of the winner and authenticity of the information submitted within part 7(b) above.
   c) The holiday packages must be collected within 1 month of the respective date of announcement of winners**.**
   d) The cash prizes must be successfully transferred to the winner's account via PB eGift or credited into the Participant's account in any other bank/ financial institution in Malaysia or collected personally by the Participant at a predetermined Branch of the Bank within 1 month of the respective date of announcement of winners.
   e) The Bank reserves the right to disqualify any selected winner should any of items 15(a) to 15(d), where applicable, is unable to be performed.

16. After each of the qualifying month, 303 winners will be selected based on Public Bank's pre-determined criteria as follows:

    *Total number of Eligible Entries for the respective month / 303 monthly prizes*

    **Scenario 1:**

    30,300 Eligible Entries / 303 = 100

    - Every 100th Eligible Entry for the month will be the winner (e.g. 100th – first winner, 200th – second winner, …, 30,300th – last winner)

    **Scenario 2:**

    40,222 Eligible Entries / 303 = 132.7 ≈ 132 (rounded down)

    - Every 132nd Eligible Entry for the month will be the winner, up to exhaustion of the 303 monthly prizes (e.g. 132nd – first winner, …, 39996th – last winner)

    - If the calculation result comes to a decimal point, it will be rounded down to the nearest number

    - The winner of the 3 holiday packages will be selected randomly from the 303 winners, while the remaining 300 winners will be assigned cash prizes based on the 1st remaining winner to receive RM200, the 2nd remaining winner to receive RM100, the 3rd remaining winner to receive RM50, the 4th remaining winner to receive RM200, and so on in the same sequence.

17. Eligible Entries for a particular qualifying month will not be considered for prizes in other subsequent qualifying month(s).

18. If there is any dispute on or claim of non-receipt of the prizes, the selected winner is required to contact PB Customer Service (1-800-22-5555 or customerservice@publicbank.com.my) by **06 February 2019**. No claim, request or enquiry will be entertained after **06 February 2019.**

19. The Bank's records of the surveys received will be final and conclusive.

20. The Bank reserves the right to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions from time to time with at least twenty one (21) calendar days prior notice which notice of such change, amendment, deletion or addition shall be published on the Bank's website, www.pbebank.com.

**General Terms and Conditions**

21. By participating in this Campaign, the Participant:

    a) agrees and consents that information regarding his/her can be processed, collected, used and stored by the Bank for the purpose of this Campaign; and

    b) agrees that the decision of the Bank will be final, binding and conclusive and that no appeal, correspondence, queries, disputes or protests will be entertained.

____________________END____________________

Kempen **“PB Listens & Rewards”**

(PB Dengar dan Beri Ganjaran)

**Terma Dan Syarat**

## Tempoh Promosi

1. Kempen ini akan berlangsung dari 18 September 2018 hingga 17 Disember 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).

## Kelayakan

2. Kempen ini dibuka kepada orang awam yang berumur 18 tahun dan ke atas (“**Peserta**”).

3. Mereka yang berikut **dikecualikan** daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini:-

   a) Kakitangan Public Bank Berhad; dan
   b) Kakitangan Public Islamic Bank Berhad.

## Mekanisme Kempen

4. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen “PB Listens & Rewards” (“**Kempen**”) ini, Peserta perlu melengkapkan satu kaji selidik yang boleh diakses melalui URL laman web yang berikut:-

   www.pbebank.com/listens (“**URL Kempen**”)

5. URL Kempen ini boleh dicapai dengan cara:
   a) menaip URL Kempen terus dengan menggunakan penyemak seimbas web yang sesuai;
   b) menekan pada pautan pada laman perbankan internet Public Bank, www.pbebank.com;
   c) menekan pada pautan pada mana-mana komunikasi promosi kempen rasmi yang diterima, seperti e-mel atau SMS; atau
   d) mengimbas kod *Quick Response* (QR) (Respons Segera) yang mempunyai URL Kempen yang ditunjukkan pada mana-mana komunikasi/bahan promosi kempen yang rasmi, seperti e-mel atau gegantung.

6. Apabila mengakses URL Kempen, Peserta hendaklah membuat pengesahan *captcha* dan bersetuju dengan Terma dan Syarat kempen sebelum meneruskan untuk menyertai kempen tersebut.

7. Kaji selidik ini mengandungi dua bahagian:

   a) soalan mengenai pengalaman perbankan dan keutamaan Peserta; dan
   b) soalan mengenai butir-butir peribadi Peserta.

8. Bilangan soalan bagi setiap Peserta tidak ditetapkan dan mungkin berbeza bergantung kepada maklum balas Peserta pada bahagian 7(a) di atas.

9. Peserta mesti melengkapkan bahagian 7(b) di atas bagi melayakkan kaji selidiknya untuk dipertimbangkan untuk memenangi salah satu hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini. Maklumat yang diperlukan di bawah bahagian 7(b) ialah mengenai perkara yang berikut berhubung dengan Peserta:

   a) nama penuh seperti dalam MyKad Malaysia (warganegara Malaysia) atau Pasport yang sah (bukan warganegara Malaysia);
   b) tarikh lahir;
   c) poskod tempat kediaman;
   d) warganegara negara; dan
   e) nombor telefon mudah alih.

10. Peserta akan dimaklumkan apabila kaji selidik ini selesai pada akhir kaji selidik dan bolehlah meninggalkan laman kaji selidik tersebut. Kaji selidik yang lengkap ("Penyertaan yang Layak") akan dipertimbangkan untuk memenangi salah satu hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini seperti yang terdapat dalam Kriteria Pemilihan yang dinyatakan di bawah.

11. Kaji selidik yang tidak mengandungi mana-mana satu atau semua butir peribadi yang diperlukan di bawah bahagian 7(b) di atas, atas apa juga sebab termasuk kesilapan teknikal atau ketertinggalan yang tidak disengajakan, tidak akan dipertimbangkan sebagai Penyertaan yang Layak.

12. Setiap Peserta hanya boleh menjawab kaji selidik ini sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen. Hanya kaji selidik pertama yang lengkap akan dianggap sebagai Penyertaan yang Layak dan apa-apa kaji selidik yang lengkap berikutnya akan dibatalkan daripada Kempen ini.

**<u>Kriteria Pemilihan Pemenang</u>**

13. Sebanyak tiga ratus tiga (303) hadiah akan diberi setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen, merangkumi tiga (3) pakej percutian dan tiga ratus (300) hadiah tunai. Secara keseluruhannya, sembilan (9) pakej percutian dan sembilan ratus (900) hadiah tunai akan diberi sepanjang Tempoh Kempen. Butir-butirnya adalah seperti yang berikut:

| Bulan berlangsungnya Kempen | Tempoh Kelayakan | Hadiah |
|---|---|---|
| Bulan Pertama | 18 September 2018 – 17 Oktober 2018 | • Satu (1) pakej percutian 3 hari 2 malam untuk 2 orang, dengan tiket penerbangan atau RM500 setiap seorang sebagai sampingan, ke destinasi yang berikut:<br>○ The Danna Langkawi, Langkawi, Kedah<br>○ Legoland Hotel & Theme Park, Iskandar Puteri, Johor<br>○ Cove 55, Kuching, Sarawak<br>• Seratus (100) x hadiah tunai sebanyak RM50<br>• Seratus (100) x hadiah tunai sebanyak RM100<br>• Seratus (100) x hadiah tunai sebanyak RM200 |
| Bulan ke-2 | 18 Oktober 2018 – 17 November 2018 | • Satu (1) pakej percutian 3 hari 2 malam untuk 2 orang, dengan tiket penerbangan atau RM500 setiap seorang sebagai sampingan, ke destinasi yang berikut:<br>○ Shangri-La's Tanjung Aru Resort & Spa, Kota Kinabalu, Sabah<br>○ The Chateau Spa & Organic Wellness Resort, Bukit Tinggi, Pahang<br>○ Shangri-La's Rasa Sayang Resort & Spa, Batu Feringgi, Penang<br>• Seratus (100) x hadiah tunai sebanyak RM50<br>• Seratus (100) x hadiah tunai sebanyak RM100<br>• Seratus (100) x hadiah tunai sebanyak RM200 |
| Bulan ke-3 | 18 November 2018 – 17 Disember 2018 | • Satu (1) pakej percutian 3 hari 2 malam untuk 2 orang, dengan tiket penerbangan atau RM500 setiap seorang sebagai sampingan, ke destinasi yang berikut:<br>○ Tanjong Jara Resort, Kuala Dungun, Terengganu<br>○ Pangkor Laut Resort, Pulau Pangkor, Perak<br>○ The Banjaran Hotsprings Retreat, Ipoh, Perak<br>• Seratus (100) x hadiah tunai sebanyak RM50<br>• Seratus (100) x hadiah tunai sebanyak RM100<br>• Seratus (100) x hadiah tunai sebanyak RM200 |

14. Pemenang hadiah akan diumumkan setiap bulan di laman sesawang Public Bank, www.pbebank.com, dan melalui saluran komunikasi lain yang sewajarnya berdasarkan jadual yang berikut:

| Bulan berlangsungnya kempen | Tempoh Kelayakan | Tarikh Pengumuman Hadiah |
|---|---|---|
| Bulan Pertama | 18 September 2018 – 17 Oktober 2018 | • 05 November 2018 |
| Bulan ke-2 | 18 Oktober 2018 – 17 November 2018 | • 03 Disember 2018 |
| Bulan ke-3 | 18 November 2018 – 17 Disember 2018 | • 07 Januari 2019 |

15. Pemenang akan dihubungi oleh kakitangan Bank yang dibenarkan untuk menguruskan pengambilan pakej hadiah atau hadiah tunai:

   a) Pemenang akan dihubungi melalui telefon mudah alih seperti dalam kaji selidik menurut perkara 9(e) di atas dalam tempoh 1 minggu dari hari pengumuman nama pemenang.
   b) Satu proses pengesahan yang mudah akan dibuat untuk menentukan indentiti pemenang dan kesahihan maklumat yang dikemukakan dalam bahagian 7(b) di atas.
   c) Pakej percutian ini mesti diambil dalam tempoh 1 bulan dari tarikh pengumuman nama pemenang.
   d) Hadiah tunai mesti dipindahkan dengan sempurnanya ke dalam akaun pemenang melalui PB eGift atau dimasukkan terus ke dalam akaun Peserta di mana-mana bank/institusi kewangan di dalam Malaysia atau diambil sendiri oleh Peserta di cawangan Bank yang ditetapkan terlebih dahulu dalam tempoh 1 bulan dari tarikh pengumuman nama pemenang.
   e) Bank mempunyai hak untuk menolak pemenang yang dipilih sekiranya perkara 15(a) hingga 15(d), mana yang berkenaan, tidak dapat dilaksanakan.

16. Selepas daripada setiap bulan yang layak, sebanyak 303 orang pemenang akan dipilih berdasarkan kriteria Public Bank yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

   *Jumlah bilangan Penyertaan yang Layak bagi bulan berkenaan / 303 hadiah bulanan*

   **Senario 1:**

   30,300 Penyertaan yang Layak / 303 = 100

   - Setiap 100 Penyertaan yang Layak bagi bulan berkenaan akan menjadi pemegang (misalnya yang ke-100 – pemenang pertama, yang ke-200 – pemenang kedua, …, yang ke-30,300 – pemenang terakhir).

**Senario 2:**

40,222 Penyertaan yang Layak / 303 = 132.7 ≈ 132 (dibundarkan ke bawah)

- Setiap 132 Penyertaan yang Layak untuk bulan tersebut akan menjadi pemenang, sehingga kesemua 303 hadiah bulanan dimenangi (misalnya yang ke-132 – pemenang pertama, …, yang ke-39996 – pemenang terakhir)
- Sekiranya keputusan pengiraan menjadi titik perpuluhan, ia akan dibundarkan ke bawah kepada nombor yang terdekat.

- Pemenang 3 pakej percutian tersebut akan dipilih secara rawak daripada 303 orang pemenang, manakala 300 orang lagi pemenang akan menerima hadiah tunai dengan pemenang pertama dalam kumpulan itu menerima RM200, pemenang ke-2 menerima RM100, pemenang ke-3 menerima RM50, diulangi dengan kumpulan pemenang berikutnya yang akan menerima RM200, RM100 dan RM50, dan seterusnya mengikut turutan yang sama.

17. Penyertaan yang Layak bagi bulan tertentu yang layak tidak akan dipertimbangkan untuk hadiah dalam bulan yang layak seterusnya.

18. Sekiranya terdapat pertikaian atau sekiranya hadiah tidak diterima, pemenang yang terpilih dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan PB (1-800-22-5555 atau customerservice@publicbank.com.my) sebelum **06 Februari 2019**. Tiada tuntutan, permohonan, atau apa-apa pertanyaan akan dilayani selepas **06 Februari 2019**.

19. Rekod Bank mengenai kaji selidik ini adalah terakhir dan muktamad.

20. Bank berhak untuk menukar, meminda, memotong atau menambah Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar mengenai perubahan, pindaan, potongan atau penambahan tersebut yang hendaklah disiarkan dalam laman web Bank www.pbebank.com.

**<u>Terma dan Syarat Am</u>**

21. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta:

    a) bersetuju dan mengizinkan maklumat mengenainya diproses, dikumpul, digunakan atau disimpan oleh Bank bagi tujuan Kempen ini; dan

    b) bersetuju bahawa keputusan Bank adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani.

________________________________TAMAT__________________________